

Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan

The Art of Alternative Medicine in Malaysia: An Analysis on Treatment Methods

Mohd Farhan Md Ariffin (Pengarang Penghubung)

Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM),
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6019-2169194 E-mel: al.muqarobiin@gmail.com

Khadher Ahmad

Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM),
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6012-6652451 E-mel: khadher82@um.edu.my

Nor Izati Samsudin

Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM),
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6014-5307270 E-mel: izatisamsudin@gmail.com

Mohamad Zaim Isamail

Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM),
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6013-4061865 E-mel: areim89@gmail.com

Muhammad Ikhlas Rosele

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM),
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6014-8399331 E-mel: ikhlas.rosele@yahoo.com

Abstrak

Pusat rawatan alternatif berasaskan Islam mahupun tradisional semakin lama semakin bertambah dan berkembang bak cendawan selepas hujan. Ini bertitik tolak dari sambutan menggalakkan masyarakat terhadap rawatan alternatif di Malaysia. Terutama sekali bagi penyakit yang tiada ikhtiar cara rawatan di hospital dan klinik kesihatan mahupun bagi para pesakit yang hampir putus harapan. Berdasarkan pemerhatian, di sebalik keghairahan masyarakat mencari kesembuhan di pusat rawatan alternatif, masih terkandung seribu satu macam permasalahan dan kemusykilan yang memerlukan penyelesaian berkesan.

Bidang rawatan alternatif umpama jalan licin, jika tersilap langkah pasti akan tergelincir dari kebenaran. Selanjutnya, kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti sebanyak mungkin permasalahan berkaitan metode rawatan yang terdiri dari amalan salah dan teknik meragukan dalam perubatan alternatif di Malaysia dan selanjutnya membahaskan keabsahannya menurut perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. Metodologi utama yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis terhadap 70 pusat rawatan alternatif sama ada terhadap pusat rawatan alternatif Islam mahupun pusat rawatan alternatif tradisional serta dilakukan juga kajian perpustakaan dalam mencari dalil keabsahan teknik dan kaedah rawatan untuk dijadikan

panduan berguna kepada orang ramai.

Katakunci: Perubatan Alternatif; Metode Rawatan; Amalan Salah; Teknik Meragukan

Abstract

Alternative medical centres based on Islamic and traditional practices have expanded and flourished in Malaysia. This is due to massive response from Malaysian community towards alternative treatment in Malaysia. This is especially evident for diseases which could not be cured by the hospital and health clinic or for patients who have lost hope. Based on observation, even though there is significant interest among the community to find cure through alternative medical centres, there still exist many problems and questions that need effective solutions. The alternative medical field is like a slippery road in which a wrong move will lead to deviation from the truth. Hence, this research will identify as much as possible problems related to the methods of alternative treatment which consist of wrong practices and doubtful techniques practised by alternative medical centres in Malaysia and then discuss its legality or validity according to Al-Quran and Prophetic Tradition. The main methodology used in this research was an analysis on seventy (70) alternative medical centres, whether Islamic or traditional. It also includes library research to find the validity of the alternative treatment techniques discussed in this paper as guidance to all concerned.

Keywords: Alternative Medical; Treatment Method; Improper Practice; Curious Technic

Pengenalan

Dewasa ini, pusat rawatan alternatif bercorak rawatan Islam mahupun tradisional kian mendapat sambutan. Kecemerlangan dan kegemilangan pusat rawatan alternatif dalam merawat dan berpotensi besar dalam menyembuhkan penyakit kronik dan kritikal, telah menyebabkan ia menjadi pilihan utama

pelbagai lapisan masyarakat masa kini. Dalam kaedah rawatan, pusat rawatan alternatif sama ada yang bersifat rawatan Islam mahupun tradisional, sememangnya mempunyai matlamat yang sama, iaitu merawat dan berusaha menyembuhkan penyakit yang dideritai oleh pesakit. Namun, teknik dan kaedah rawatan sahaja yang membezakan antara satu sama lain.

Dalam isu ini, persoalannya, adakah semua teknik dan cara rawatan yang ditonjolkan perkhidmatan rawatan alternatif yang dijalankan itu benar-benar berada di bawah petunjuk Al-Qur'an, hadith, dan sejajar dengan pandangan para ulama atau sebaliknya?. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada amalan rawatan pusat rawatan alternatif dan turut menemui beberapa pengamal perubatan tradisional untuk mengkaji dengan lebih lanjut kewujudan amalan salah dan meragukan yang terdapat di dalamnya serta seterusnya pengkaji akan menganalisis maklumat yang diperoleh berpandukan hadith Nabi (s.a.w) dan kitab ulasannya.

Metodologi

Artikel ringkas ini menjelaskan secara terperinci dari segenap aspek akan masalah dan kecurigaan metode rawatan pusat rawatan alternatif di Malaysia. Fokus utama perbahasan adalah perbincangan terhadap elemen amalan salah serta teknik meragukan dalam rawatan. Metodologi utama yang digunakan dalam kajian ini adalah penelitian dan pemerhatian secara lapangan (*field work*) terhadap tujuh puluh (70) pusat rawatan Islam yang terdiri daripada pusat rawatan ruqyah syar'iyyah, bekam dan aura (batin). Selain itu, metode temubual dan borang kaji selidik turut dilaksanakan dalam megumpulkan setiap data yang berkaitan dengan kajian ini dibawah grand penyelidikan yang diberikan oleh Universiti Malaya iaitu RG419-12 HNE *Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran Dan Sunnah : Kajian Malaysia*. Para pengamal perubatan Islam tersebut memberikan kerjasama yang baik serta mengemukakan beberapa pandangan mereka terhadap amalan-amalan yang sering digunakan

dalam sistem perubatan Islam di Malaysia sama ada yang bertentangan atau meragukan.

Daripada penelitian yang dijalankan, pusat rawatan yang dijalankan kajian ialah seperti pusat rawatan Islam yang diasaskan melalui sesuatu pertubuhan atau persatuan seperti Darussyifa', Persatuan Perubatan Islam Darussalam dan Pusat Rawatan Islam al-Manarah (PRIM), atau berteraskan syarikat perniagaan, atau premis tertentu, atau di kediaman peribadi dan ada yang bergerak secara solo dan berkumpulan tanpa sebarang premis. Antaranya seperti Perubatan Islam al-Hidayah, Sinar Zamurrani, Pusat Rawatan Islam Darul Ruqiyah, Pusat Rawatan Sinar Nur, Pusat Rawatan Terapi Hikmah (Kedai Bekam dan Resdung), Kartika Buana: Pusat Rawatan Tradisional Islam berasaskan al-Quran dan Pusat Rawatan Qalbun Sakinah yang bergerak dalam sebuah premis khusus. Manakala Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan (AKRINE), Pusat Rawatan Islam Gshahmisteri, Rawatan Islam Darul Manzil (RIDAM), Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS), Pusat Rawatan Islam al-Madani (PRIA), Pusat Rawatan Teknologi al-Quran dan Asma al-Husna, Perubatan Islam Tujuh Puteri, dan Pusat Rawatan Islam al-Mustaqim yang merupakan antara pusat rawatan Islam yang beroperasi berhampiran dengan kediaman pengasas.

Hasil dan Perbincangan

Melalui penelitian awal kaedah rawatan dan perkhidmatan rawatan yang ditawarkan, pengkaji merumuskan unsur amalan salah yang berhubung kait dengan elemen khurafat dan tayahul yang terdapat di dalam rawatan alternatif sebanyak dua belas (12) unsur dan enam (6) teknik meragukan. Seterusnya, pengkaji akan mendatangkan hujah-hujah yang konkrit bersandarkan kepada Al-Qur'an, hadith Nabi (s.a.w), kaedah fiqh dan qaul-qaul ulama' berpandukan rujukan kitab-kitab hadith terutamanya *kutub sittah* dan penerangan-penerangan yang terdapat di dalam kitab ulasannya. Amalan salah bertentangan dengan ajaran Islam yang terkandung dalam rawatan

alternatif di Malaysia ialah;

Amalan Salah dalam Rawatan Alternatif

Jampi Mentera

Bagi hal berkenaan jampi dan mentera, terdapat dalil yang jelas daripada hadith Nabi (s.a.w) yang melarang menggunakan jampi dan mentera khususnya daripada jenis jampi dan mentera yang memuja dan menyeru makhluk halus, mengandungi kata-kata kufur atau kata-kata yang tidak difahami maknanya. Daripada 'Awf bin Malik al-Ashja'i r.a.: "Ketika zaman Jahiliyyah, kami melakukan jampi. Maka kami bertanyakan Rasulullah (tentang perkara itu): "Wahai Rasulullah, bagaimakah hukum, terhadap yang demikian?" Maka sabda Rasulullah (s.a.w): "Kemukakan kepada ku jampi kamu itu; tidak mengapa menjampi selagi ia tidak mengandungi syirik (kepada Allah)" (Riwayat Imam Muslim r.a.). Menurut pandangan Tuan Guru Prof. Dr. Hj. Jahid Bin Hj. Sidek al-Kholodi al-Naqsyabandiah dari Pusat Rawatan Islam al-Manarah mengatakan bahawa mereka yang mengamalkan jampi mentera dalam perubatannya adalah salah disisi agama dan ia bercanggahan dengan prinsip perubatan Islam itu sendiri.

Ilmu Sihir untuk Melawan Sihir

Manakala penggunaan ilmu sihir untuk merawat sihir larangnya adalah jelas berdasarkan kepada hadith Nabi (s.a.w) yang melarang pendekatan sedemikian digunakan untuk merawat orang yang terkena sihir. Kaedah ini dinamakan dalam hadith sebagai "*al-Nushrah*". Daripada Jabir r.a. berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah ditanya tentang *al-Nushrah*. Maka sabda Rasulullah (s.a.w): "(*al-Nushrah*) adalah amalan syaitan."

Bahkan mempelajari sihir juga haram. Nabi (s.a.w) pernah bersabda riwayat Ibn 'Abbas r.a. berkata, Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "Sesiapa yang mempelajari satu cabang ilmu dari ilmu nujum (tilik), maka dia telah mempelajari cabang ilmu (dari) sihir, maka ia akan

bertambah dan terus bertambah (kesyirikan dan ilmu sihirnya)” (Riwayat Imam Abu Dawud r.a.). Jadi, apakah lagi mengamalkannya dan menghantarnya dengan cara saka dan santau untuk menganiayai orang lain.

Tangkal dan Azimat

Tangkal dan azimat adalah budaya khurafat, tahuyl dan syirik yang sering dipaparkan dalam rawatan tradisional. Tujuannya adalah untuk mengubati penyakit seperti sawan, cacing, demam, gangguan hantu syaitan, menolak bala dan lain-lain. Dalam masyarakat Malaysia, fetish atau tangkal dipakaikan pada kanak-kanak, untuk mengelakkan daripada ditimpa penyakit sawan dan lain-lain. Tangkal juga diletakkan depan pintu rumah supaya tidak dimasuki makhluk halus dan orang yang jahat (Jawiah, 2010).

Perawat yang membuat tangkal lazimnya menggunakan ayat al-Qur'an, gambar rajah, nombor, simbol dan perkataan Arab, yang mempunyai makna tertentu pada sesuatu. Kemudiannya dibalut kemas dan diaspaskan dengan kemenyan lalu dipakaikan pada orang yang berhajat. Tangkal atau azimat banyak dipakaikan kepada anggota badan dan digantung pada pintu rumah kononnya bagi mengelak penyakit, gangguan dan bala. Inilah cara yang lazim menggunakan tangkal dan azimat. Tangkal dan azimat adalah haram dan termasuk dalam perbuatan sihir dan syirik bertepatan dengan sabda Nabi (s.a.w) melalui Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: “*Sesiapa yang mengikat suatu ikatan (tangkal), kemudian menghembus (menjampi) pada ikatan tersebut, ia telah melakukan sihir, sesiapa yang melakukan sihir, maka dia telah berlaku syirik. Sesiapa yang menggantung sesuatu (tangkal), maka dia telah bertawakkal dengannya*” (Riwayat Imam Nasa'i r.a.).

Syekh 'Atiyyah Saqr juga pernah mengucapkan “*Sesiapa yang mempercayai sesuatu khurafat seperti kayu kokka (sebagai tangkal pelindung yang) dapat menghindarkan syaitan dan iblis,*

memurahkan rezeki dan menyembuhkan penyakit adalah pelaku syirik kerana segala itu adalah hak Allah (s.w.t) semata-mata” (Zaharuddin, 2011). Hasil dari temu bual penulis dengan pengasas pusat rawatan Islam Darussyifa' Yang Berbahagia Dato' Dr. Harun Bin Din menyatakan bahawa penggunaan tangkal azimat dalam perubatan adalah haram dan ia seolah-olah tidak percaya terhadap kekuasaan Allah dalam menyembuhkan penyakit manusia.

Mandi Bunga

Amalan *mandi bunga* adalah sejenis khurafat yang diamalkan dan dilakukan terutamanya di dalam amalan perubatan tradisional untuk membuang sial, menghindari bala penyakit dan membawa tuah. Kononnya untuk membuang sial pada anak dara yang tidak mendapat jodoh meskipun usia sudah lanjut. Nabi (s.a.w) pernah bersabda yang bermaksud: “*Tiada penyakit berjangkit dengan sendirinya tanpa takdir Allah (s.w.t), tiada tanda sial pada burung (melalui burung berterbangan kiri atau ke kanan), tiada sial pada burung hantu (tiada roh orang mati dibunuh yang menuntut bela) dan tiada sial pada bulan Safar*” (Riwayat Imam Bukhari r.a.).

Dr. Yusuf al-Qaradawi juga menyatakan, “*Kepercayaan sial ini termasuklah menganggap sial pada haiwan, tempat dan masa. Sesiapa yang mempercayai adanya sial, maka dia telah berlepas diri (tidak bertawakkal) pada Allah (s.w.t)*” (Zulkifli Hasan, 2013).

Menggunakan Ruqyah yang Tidak Difahami Ucapannya

Dalam bidang rawatan alternatif, ruqyah yang diperbolehkan Rasullullah (s.a.w) mempunyai syarat-syarat tertentu. Selagi mana ruqyah menggunakan lafaz yang difahami dan tidak ada unsur syirik, maka dibolehkan meruqyah dengannya. Ruqyah yang dilakukan menggunakan bahasa yang tidak difahami dan mengarut adalah salah dan boleh menimbulkan keraguan.

Antara syarat ruqyah syar'iyyah adalah perlu seeloknya menggunakan sumber dari Al-Qur'an dan Al-Sunnah, tiada unsur syirik dan pemujaan, i'tiqad kesembuhan bukan pada ruqyah, tetapi pada Allah (s.w.t), dan menggunakan bahasa yang boleh difahami dan bukannya kalam orang yang kafir atau jahil yang boleh menimbulkan keraguan dan fitnah.

Rasullullah (s.a.w) pernah bersabda melalui ‘Auf bin Malik al-Asyja’iy r.a., “*Kami semasa zaman Jahiliyyah biasa melakukan jampi mentera, lalu kami bertanya kepada baginda (s.a.w): Wahai Rasulullah !, Apakah pendapat kamu di dalam masalah ini?. Maka baginda (s.a.w) pun bersabda “Tunjukkanlah kepadaku jampi-jampi kalian, tidak mengapa meruqyah selagi mana tidak mengandungi syirik* (Riwayat Imam Muslim r.a.).

Pengeras

Dalam mendatangi bomoh atau perawat, pastinya ada istilah “*pengeras*”. Pengeras adalah ganjaran dan upah yang diberikan kepada bomoh atau jin peliharaan atas tilikannya (bantuan jin). Pengeras boleh jadi berupa wang, haiwan, makanan dan lain-lain. Memberi pengeras adalah haram bersandarkan sabda Nabi (s.a.w) dari Abi Mas'ud al-Ansari r.a.: “*Sesungguhnya Rasullullah (s.a.w) menegah (milarang) tentang jual beli anjing, wang hasil pelacuran dan memberi pengeras (habuan) untuk bomoh (atas tilikan dan ramalannya)*” (Riwayat Imam Bukhari r.a.).

Malahan, begitu jua halnya apabila seseorang mendatangi bomoh, jika tidak yakin kepada dukun, maka pesakit tidak akan berusaha sedaya upaya untuk mencari dan memberi pengeras kepada bomoh tersebut walaupun pengerasnya cukup pelik dan mahal sehingga membazir masa, wang dan tenaga, jadi, dia mesti yakin sepenuhnya kepada bomoh tersebut (misalnya jikalau dia memberikan pengeras seperti yang diminta, akan sembah).

Mendatangi Dukun, Tukang Tilik dan Seumpamanya

Mendatangi dan menggunakan khidmat bomoh serta dukun meskipun dalam mencari rawatan untuk kesembuhan adalah dilarang dalam Islam. Ia menjadi khurafat apabila ia melibatkan sihir, dan perkara-perkara yang boleh mendatangkan syirik kepada Allah (s.w.t). Sabda Nabi (s.a.w) riwayat Abu Hurairah r.a.: *Sesungguhnya Rasullullah (s.a.w) bersabda, “Sesiapa yang mendatangi (jima') perempuan yang haid, atau berjima' dengan isterinya dari duburnya, atau mendatangi dukun (bomoh) dan mempercayai ramalannya, maka ia telah kufur terhadap apa yang diturunkan pada Nabi Muhammad (s.a.w) (agama Islam)”* (Riwayat Imam Ibnu Majah r.a.)

Dr. Yusuf al-Qaradawi ada menyebutkan: “*Amalan (mempercayai bomoh) ini ialah syirik dan satu bentuk kezaliman yang paling besar terhadap Allah (s.w.t) dan syariat-Nya. Islam menentang sebarang bentuk khurafat seperti ini dan Islam adalah agama yang berdiri di atas keyakinan dan bukannya sangkaan* (Basri Ibrahim, 2009).

Masyarakat perlu berwaspada kerana kadang kala bomoh boleh menzahirkan dirinya sebagai tukang ubat (tabib), wali, peramat bahkan ustaz. “*Tok bomoh*” yang berperanan mengubati orang sakit, menghalau syaitan dan lain-lain. Bomoh masih dipercayai sehingga kini kerana bomoh berupaya menyembuhkan penyakit dari kuasa ghaib yang tidak dapat diubati perubatan moden. Tok bomoh yang menggunakan khidmat jin suruhan akan membuat suatu perjanjian sebelum bekerjasama. Semakin taat bomoh pada jin dengan mengikuti segala perintahnya (berbuat maksiat), maka semakin taat pula jin kepadanya. Bomoh yang mengubati pesakit menggunakan jin selalunya mengetahui keadaan pesakit sebelum pesakit sampai kerana diberitahu oleh jin suruhannya. Di dalam amalan perubatannya, bomoh menyeru dan memuja nama jinnya. (Wahid, 1996; Mahyuddin Ismail, 2012)

Kemenyan

Kemenyan adalah suatu bahan perantaraan yang digunakan oleh kebanyakan bomoh dalam perubatan tradisional, kebiasaannya ia dikaitkan dengan sihir dan jin. Di antara tanda-tanda dukun, bomoh dan tukang sihir yang bersahabat dengan jin dan syaitan adalah mereka menggunakan kemenyan. Dalam amalan tangkal dan azimat, azimat yang siap dijampi di asapkan dengan kemenyan dahulu. Bomoh akan memerintahkan jin suruhannya menjaga azimat tersebut dan mendampingi orang yang memakainya.

Sebenarnya, asap kemenyan adalah sejenis seruan dari bomoh untuk memanggil dan berdamping dengan jin syaitan supaya dapat memohon pertolongan darinya. Ia adalah sebesar-besarkan kekufuran dan sebesar-besarkan pintu kejahatan. Syaitan tidak melayani bomoh dan membantunya sehingga bomoh tersebut kufur dan patuh pada hasutannya melalui perjanjian yang termeterai. Sebagai balasan kepada jin, maka bomoh mensyaratkan pengeras yang pelik-pelik seperti meminta darah ayam, pulut kuning, telur berwarna serta lain-lain (Jahid Sidek, 2004).

Sabda Nabi (s.a.w) melalui Nu'man bin Bashir r.a., dia mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Perkara halal itu jelas (terang) dan perkara haram juga jelas (terang). Dan diantaranya terdapat perkara syubhat (kesamaran) yang tidak ramai manusia mengetahuinya. Barang siapa yang menjauhi perkara syubhat, maka dia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Barang siapa yang terdedah (melakukan) perkara syubhat, maka dia akan terdedah kepada perkara haram, seperti mana pengembala yang mengembala gembalaannya di sekitar (dekat) kawasan larangan, dan ditakuti dia dan gembalaannya akan termasuk (juga) ke dalam kawasan larangan*” (Riwayat Imam Abu Dawud r.a.).

Pemutus Ubat

Pemutus ubat adalah amalan yang perlu

dilakukan apabila mendapat kesembuhan (nazar). Dalam perubatan Islam, hanya doa dan kesyukuran kepada Allah (s.w.t) menjadi tanda pemutus ubat bagi pesakit yang telah sembuh. Inilah yang sebenar menurut Islam, iaitu memanjatkan kesyukuran kepada *Rabb al-Jalil*. Antara amalan pemutus ubat khurafat yang sering ditonjolkan oleh perwat tradisional ialah melepaskan binatang seperti *ayam hitam* ke kawasan yang tidak dihuni dan menyembelih binatang yang bersifat tertentu. Hakikatnya, amalan itu bertujuan seumpama nazar tanda terima kasih kepada jin dan syaitan yang membantunya. Jika dilakukan, nescaya jin dan syaitan tidak akan mengganggunya kerana dia telah bersekongkol dengan orang yang melakukan syirik pada Allah (s.w.t). Rasullullah (s.a.w) telah menerangkan kesesatan perbuatan mereka ini di dalam sabdanya. Dari ‘Amru bin Syu’aim r.a., diriwayatkan dari bapa dan datuknya, Rasullullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Tiada nazar kecuali kepada sesuatu yang bertujuan mendapat keredhaan Allah dan tiada sumpah di dalam perkara yang bertujuan memutuskan tali silaturrahim*” (Riwayat Imam Abu Dawud r.a.). Sabda Nabi (s.a.w) lagi dari ‘Aisyah r.a., Rasullullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Tiada nazar dalam berbuat maksiat kepada Allah (s.w.t)*” (Riwayat Imam Nasa’i r.a.).

Bahan Perantaraan Perubatan

Dalam tradisi masyarakat Melayu, keris adalah bahan perantaraan yang sering digunakan dan dipertontonkan dalam rawatan alternatif. Antaranya, kita pernah mendengar istilah “keris berdiri” atau “keris menari dengan sendiri” apabila bomoh yang menggunakan keris mula mengubati pesakitnya. Dalam amalan perubatan, keris ini akan berdiri dan berjalan terapung di atas anggota badan pesakit sehingga ia hanya berhenti di tempat yang sakit. Kononnya keris dapat mencari bahagian anggota yang sakit dan bomoh akan terus menjampi bahagian yang sakit menggunakan keris tersebut. Ini merupakan satu bentuk penipuan secara terang-terangan kepada orang jahil (Hizwan, 2012).

Sebetulnya, jin dan syaitan yang menipu manusia yang jahil dengan mengerakkan keris itu sehingga dapat berdiri dengan sendirinya dan menari. Dengan itu, manusia yang melihatnya berasa kagum dan menyangka keris tersebut mempunyai kuasa sakti. Mana mungkin keris yang pegun sebegini dapat melakukan sesuatu tanpa didorong oleh sesuatu. Ini semua adalah angkara jin syaitan yang berusaha menyesatkan manusia. Maka, orang ramai akan terjerumus dalam kesyirikan kerana mempercayai terdapat makhluk yang lebih berkuasa selain Allah (s.w.t).

Sebenarnya, jenis benda perantaraan yang digunakan ketika proses perubatan (ruqyah) adalah bersifat subjektif dan terpulang berdasarkan (تجربة) iaitu mengikut kepandaian dan kemahiran pengubat dan bomoh. Kaedah fiqh ada menyebutkan, “*asal segala sesuatu adalah harus*”. Selagi mana bahan perantaraan yang digunakan mempunyai khasiat khusus dalam perubatan dan mampu merawat pesakit, tidak mengandungi unsur haram, makhluk halus, pujaan, kuasa sakti dan boleh membawa kebaikan, maka harus berubat dengannya, digunakan kaedah serta memberi manfaat kepada orang lain (Zaharuddin A. Rahman, 2011). Sabda Nabi (s.a.w), “*Ada seseorang bertanya pada Nabi (s.a.w): Wahai Rasullullah, adakah engkau telah berhenti dari melakukan jampi?, Maka Rasullullah (s.a.w) pun bersabda: “Sesiapa yang mampu dari kamu untuk memberi manfaat kepada saudaranya, maka, lakukanlah”* (Riwayat Ibnu Hibban r.a.).

Roh dan Tahdir al-Arwah

Roh bukanlah benda atau sesuatu yang dapat dilihat dan disaksikan dengan mata kasar, walau dengan cara yang paling canggih sekalipun. Seseorang itu tidak mampu mengetahui hal roh walau sehebat mana pun ilmunya. Allah (s.w.t) berfirman dalam Al-Quran (17:85), “*Katakanlah (wahai Muhammad): “Roh itu termasuk di dalam urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan kecuali sedikit”*. Apabila roh berpisah dari jasad, ia akan berada di alam yang

dinamakan barzakh. Ia tidak mampu kembali ke alam dunia sama ada dalam keadaan baik atau buruk. Roh-roh orang mukmin diberikan nikmat di alam barzakh dan roh orang kafir diazab sehingga kiamat.

Ini bermakna, paparan roh orang mati boleh kembali semula walaupun telah lama mati adalah tidak benar dan khurafat. Jika kelihatan makhluk berupa si mati, maka ulama berpendapat ia hanyalah angkara jin iblis yang menyerupai si mati. Dakwaan bahawa roh orang mati tidak boleh kembali berdasarkan firman Allah (s.w.t) (23:99-100), “*Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu), hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, Dia berkata: “Ya Tuhanku kembalikanlah aku (ke dunia), agar aku berbuat amal yang soleh terhadap yang telah aku tinggalkan. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. Di hadapan mereka ada dinding sampai hari mereka dibangkitkan”*”. Prof. Ahmed Azzedine Al-Bayanun juga menyatakan: “*Dakwaan orang yang mampu bertemu dengan roh si mati dengan teknik jampian khas adalah penipuan yang menggunakan jin dan syaitan. Ia bukannya roh sebenar*”.

Istighathah Kepada Selain Allah

Istighathah dengan kuasa ghaib yang bertujuan untuk perubatan dan selainnya sudah lama wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Istighathah yang dilarang adalah istighathah kepada jin dan syaitan, roh, kubur atau sihir. Hal ini tiada gunanya kerana semua makhluk adalah lemah di sisi Allah (s.w.t) dan perbuatannya termasuk dalam perbuatan syirik pada Allah (s.w.t). Istighathah sesama makhluk dengan meyakini bahawa makhluk tersebut dapat memberi kesan kepada permintaannya adalah sama seperti orang lemas meminta tolong kepada orang lemas dan banduan dengan banduan (Khadher, 2012).

Antara ucapan istighathah lain yang dilarang ialah meminta tolong dengan berkata: “*Wahai jembalang air, tolonglah saya dan lepaskan saya dan mereka dari kesusahan dan penyakit*

ini, sembuhkanlah saya”. Istighathah kepada selain Allah (s.w.t) seperti kepada roh orang yang telah mati atau memohon kesembuhan di kuburan wali atau alim ulama’ ialah budaya syirik sedangkan orang yang mati itu sudah terputus hubungan dengan orang masih hidup.

Nabi (s.a.w) pun pernah bersabda: “*Apabila mati seorang anak Adam, terputus segala amalannya kecuali tiga benda, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain, dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kepadanya*” (Riwayat Imam Abu Dawud r.a.).

Imam Qurtubi pernah mengucapkan “*tidak dinafikan bahawa memohon pertolongan jin dan makhluk halus adalah satu bentuk khurafat, kemusyrikan dan kekafiran. Ini telah menyebabkan jatuh hukum syirik ke atasnya kerana meletakkan kebergantungan dan kesembuhan pada jinnya dan bukan pada Allah (s.w.t).*

Teknik Meragukan dalam Rawatan Alternatif

Terdapat enam teknik mistik yang diragui penggunaannya dalam rawatan penyakit oleh pusat rawatan alternatif. Enam teknik tersebut adalah kaedah “scanning” (diagnosis); kaedah batin atau kekuatan jiwa; kaedah membunuh jin; kaedah menarik dan menyedut keluar jin; kaedah memerangkap jin dan kaedah dialog.

Scanning (diagnosis)

Kaedah ini bertujuan untuk mengimbas makhluk halus dalam tubuh badan pesakit. Teknik imbasan dilakukan oleh perawat dengan meletakkan tangan dan menyentuh badan pesakit atau memiciti pada bahagian tertentu seperti celah jari antara ibu jari dan jari telunjuk untuk mengesan keberadaan makhluk halus dalam badan. Teknik imbasan ini juga dilakukan tanpa sentuhan melainkan dengan cara perawat meletakkan tapak tangan hampir dengan tubuh pesakit yang disertakan bacaan *ruqyah*. Tindak balas pesakit seperti mengerang

kesakitan, meronta-ronta meminta dilepaskan atau berlaku perubahan suara pesakit kepada suara orang lain selepas dilakukan imbasan tersebut menunjukkan kewujudan makhluk halus dalam tubuh badan pesakit (Khadher, 2013b; Mohd Farhan, 2012).

Selain itu, terdapat juga perawat yang melakukan “scanning” untuk mengesan kehadiran makhluk halus atau mengesan jenis penyakit dengan menggunakan gerak hati dan ilhamnya. Walaupun begitu persoalan yang timbul adalah adakah seseorang itu sentiasa diberi ilham dan gerak hati setiap kali melakukan rawatan dan bagaimana gerak hati dan ilham tersebut boleh didapati oleh perawat?

Berhubung dengan kaedah ini, terdapat dua pandangan dalam menentukan statusnya sama ada dibenarkan atau tidak dalam rawatan penyakit. Pertama, iaitu haram untuk menggunakan kaedah ini dalam proses rawatan jika perawat mendakwa bahawa terdapat jin yang mendiami tubuh pesakit itu dengan jumlah tertentu seperti lima ekor, lapan ekor dan sebagainya. Hal ini kerana, dakwaan tersebut memperlihatkan bahawa perawat itu mempunyai pengetahuan tentang hal-hal yang ghaib dan menyerupai ahli sihir, tukang tilik, bomoh, dukun dan lain-lain. Tambahan lagi, ia merupakan sesuatu dakwaan yang tidak dapat dibuktikan secara jelas. Persoalan berhubung dengan alam ghaib adalah urusan Allah (s.w.t). Firman Allah (s.w.t) dalam Al-Quran (27:65): “*Katakanlah lagi: tiada sesiapapun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah*”.

Manakala kaedah scanning menggunakan gerak hati atau ilham untuk mengesan jenis penyakit atau mengesan kehadiran makhluk halus dalam badan pesakit, ia memerlukan suatu perbahasan yang khusus. Hal ini kerana, dalam persoalan gerak hati atau ilham, maka tidak boleh untuk mengatakan bahawa apa yang dikatakan atau apa yang didakwa tersebut adalah benar. Kemungkinan dakwaan tersebut adalah sangkaan semata-mata.

Kedua, sekiranya proses *scanning* dilakukan dengan hanya membacakan *ruqyah-ruqyah* tertentu ke atas pesakit yang disihir, lalu terdapat tindak balas dari pesakit maka keadaan ini dibenarkan dengan syarat tiada sebarang dakwaan daripada perawat yang mengatakan bahawa terdapat sejumlah jin (dengan bilangan tertentu) yang mengganggu atau mendiami tubuh pesakit tersebut. Antara tindak balas pesakit selepas di *ruqyah* adalah seperti tiba-tiba mengerang kepanasan, menjerit dan meronta-ronta, berubah perwatakan dari sudut percakapannya atau bersuara garau, bertindak agresif, melawan dan lain-lain keadaan lagi.

Rawatan Batin (Aura)

Melalui teknik rawatan batin atau kekuatan jiwa ini, pesakit dirawat tanpa kehadiran perawat atau perawat datang merawat pesakit ketika pesakit tidur pada waktu malam, merawat dalam mimpi atau perawat hadir bertemu dengan pesakit tanpa disertai jasadnya. Kaedah rawatan batin atau melalui kekuatan jiwa adalah hampir menyerupai kaedah rawatan jarak jauh, tetapi kedua-dua kaedah ini adalah berbeza. Kaedah rawatan jarak jauh melibatkan penggunaan alatan perhubungan untuk berkomunikasi di antara perawat dan pesakit. Namun, kaedah batin atau kekuatan jiwa tidak melibatkan sebarang perantaraan atau alatan ketika rawatan berlangsung. Namun, penggunaan kaedah ini dalam rawatan banyak menimbulkan keraguan. Bahkan, kesahihan rawatan sedemikian turut diragui.

Rawatan Jarak Jauh

Rawatan jarak jauh adalah kaedah yang dilakukan untuk rawatan penyakit tanpa kehadiran pesakit atau dilakukan melalui penggunaan alatan perhubungan tertentu seperti telefon dan lain-lain. Rawatan dilakukan oleh perawat namun perawat dan pesakit tidak bersemuka, tetapi mereka bersemuka dengan cara berkomunikasi antara satu sama lain walaupun jarak beribu batu. Dalam keadaan lain, perawat juga merawat pesakit dengan hanya menggunakan gambar

pesakit yang dibawa oleh keluarga pesakit. Ini bermakna, perawat akan membacakan *ruqyah* ke atas pesakit yang berada di dalam gambar tersebut.

Walaupun secara konsepnya, ia bertujuan seperti mendoakan kesejahteraan kepada sesama Islam dan diharuskan, namun perlu diberi perhatian adalah dari sudut cara teknik ini dijalankan. Rawatan tersebut mestilah menggunakan *ruqyah-ruqyah* yang dibenarkan iaitu bukan menggunakan jampi serapah atau mentera yang menyeru makhluk halus, tidak menggunakan bahan-bahan rawatan yang diharamkan seperti bahan daripada najis atau darah, dan beri ‘tiqad’ bahawa kesembuhan dari Allah (s.w.t) dan usaha yang dilakukan itu adalah ikhtiar semata-mata.

Membunuh Jin

Teknik membunuh jin kerap digunakan dalam merawat penyakit berkaitan rasukan makhluk halus. Perawat akan menggunakan pelbagai cara untuk membunuh jin yang mendiami tubuh pesakit. Terdapat beberapa cara yang digunakan untuk membunuh jin seperti menyembelih jin dengan menggunakan alatan tertentu seperti kayu atau rotan, dilakukan isyarat sembelihan, meracun jin menggunakan air *ruqyah* dengan niat meracun jin yang berada dalam tubuh pesakit, atau membakar jin menggunakan ayat-ayat *ruqyah* (Khadher, 2011b).

Namun, adakah manusia boleh membunuh jin sesuka hati dan benarkah jin dapat dibunuh dengan kaedah tersebut? Berhubung dengan membunuh jin, terdapat hadith yang menceritakan tentang seorang pemuda yang telah membunuh jin yang menyerupai seekor ular hitam sehingga menyebabkan beliau terbunuh. “Abu Sa‘id r.a. melanjutkan ceritanya: ‘Kami menghadap Rasulullah (s.a.w) dan menceritakan kejadian itu kepada baginda. Lalu kami berkata kepadanya: “*Mohonlah kepada Allah (s.w.t) agar menghidupkan kami dengan kebahagiaan kami. Baginda menjawab: “Mohonlah ampun untuk sahabat kalian itu.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya di Madinah*

terdapat golongan jin yang telah masuk Islam, maka jika kalian melihat sebahagian mereka –dalam rupa ular– berilah peringatan tiga hari. Apabila kamu masih melihatnya setelah itu, bunuhlah ia kerana sebenarnya itu adalah syaitan.” (Riwayat Imam Muslim r.a.)

Pada pandangan pengkaji, jin dapat dibunuh secara pasti apabila ia berupa sesuatu makhluk Allah seperti anjing hitam, kala jengking ataupun ular sepertimana dijelaskan dalam hadith. Walaupun demikian, apabila membunuh jin dengan keadaan asal kejadiannya, perkara ini sangat meragukan kerana tidak ada bukti yang jelas menunjukkan bahawa jin itu benar-benar telah terbunuh, tidak pula dapat dilihat dengan mata kasar dan kemungkinan besar ia penipuan semata-mata.

Menarik Keluar Jin

Kaedah menarik keluar atau menyedut jin adalah kaedah yang dilakukan oleh perawat dengan melakukan isyarat menarik menggunakan tangan pada bahagian kaki atau mana-mana anggota badan pesakit sambil membaca *ruqyah* tertentu. Kaedah ini dilaksanakan setelah perawat mengenalpasti keberadaan jin dalam tubuh pesakit dan ia enggan untuk berunding secara baik serta tidak mahu keluar dari tubuh pesakit.

Berhubung dengan masalah ini, pengkaji melihat bahawa jika dikatakan benar-benar menarik keluar seekor jin itu dari tubuh seseorang kemungkinan ia adalah perkara yang tidak logik. Namun, apa yang diperhatikan dan difahami perawat hanya melakukan isyarat tarik sahaja dengan menggunakan tangan dengan disertakan arahan supaya jin tersebut segera meninggalkan tubuh pesakit itu. Dalam konteks tersebut, terhadap hadith yang menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) mengarahkan agar syaitan yang merasuk dalam tubuh seseorang sahabat itu keluar. Daripada ‘Uthman bin Abi al-‘As r.a. berkata: Maksudnya: “Ketika Rasulullah (s.a.w) melantik aku sebagai gabenor di Taif, ada sesuatu yang mendatangiku di dalam solat

sehingga aku tidak mengetahui solatku itu. Apabila aku melihat keadaan demikian, aku pergi menemui Nabi (s.a.w). Baginda bertanya (kepadaku): “(Kamu) Ibn Abi al-‘As?” Aku menjawab: “Ya, wahai Rasulullah.” Sabda Nabi (s.a.w): “Apakah yang menyebabkan engkau datang kemari?” Aku menjawab: “Wahai Rasulullah, ada sesuatu yang mendatangiku ketika dalam solatku sehingga aku tidak mengetahui hal keadaan solatku itu.” Sabda Nabi (s.a.w): “Itu adalah syaitan (yang mengganggu mu), dekatkan lah dirimu”. Maka aku mendekati baginda (s.a.w) dan aku duduk dihujung atas tapak kakiku.” Lalu baginda (s.a.w) memukul dadaku dengan tangannya dan meludahi mulutku, sambil berkata: “Keluarlah wahai musuh Allah!” Baginda mengulanginya tiga kali lalu bersabda: “Kembalilah kepada tugasmu”. Kata Uthman: “Sesungguhnya aku tidak menyangka ada lagi yang menggangguku selepas itu.” (Riwayat Imam Ibnu Majah r.a.)

Oleh itu, dalam konteks menarik keluar jin dari tubuh seseorang, pengkaji melihat bahawa perawat hanya melakukan isyarat untuk menarik sahaja dan belum tentu jin mengikuti arahan yang diberikan untuk keluar dari tubuh tersebut. Hal ini bermakna, kaedah ini boleh dilakukan dengan arahan yang jelas disertakan dengan isyarat menarik keluar, tetapi dari sudut kesahihan sama ada jin itu benar-benar keluar atau tidak dari tubuh badan pesakit itu hanya berserah pada Allah (s.w.t). Mungkin selepas tarikan itu dibuat, perawat perlu membacakan *ruqyah* lagi bagi mengetahui keadaan sebenar pesakit.

Memerangkap Jin

Kaedah memerangkap jin ini dilakukan setelah proses rundingan antara perawat dengan jin yang menguasai tubuh pesakit gagal dan enggan keluar secara baik dari tubuh. Perawat akan memasukkan tapak tangan sehingga pergelangan tangan pesakit ke dalam balang kaca tersebut dan ditarik jin masuk ke dalam botol itu sambil membaca *ruqyah* serta menggunakan isyarat tangan menarik jin ke dalam balang kaca itu.

Berhubung dengan *kaedah memerangkap jin*, tiada dalil yang menyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah berbuat demikian. Walaupun begitu, terdapat hadith yang menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) pernah bercadang untuk menangkap *ifrit* atau *iblis* yang datang mengganggu baginda solat. Namun, apabila baginda teringat doa Nabi Sulaiman (a.s), baginda membatalkan niat tersebut. Dari hadith berkenaan dapat difahami bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) hanya berusaha untuk mengelak atau berlindung daripada gangguan itu, bukan bertujuan untuk menangkap atau memerangkap jin tersebut. Bahkan, secara logik akalnya, golongan jin ini tidak terperangkap dengan sesuatu bekas kerana mereka bebas bergerak dan dapat menembusi sesuatu jirim atau benda (Khadher, 2011a; 2013a).

Oleh yang demikian, menangkap jin dan mengurungnya dalam sesuatu bekas adalah perkara yang meragukan sehingga tidak terdapat bukti jelas bahawa golongan tersebut dapat diperangkap sedemikian rupa.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dalam menyebut tentang rawatan alternatif, sama ada ada jenis rawatan tradisional mahu pun rawatan Islam, tidak semua perkhidmatan rawatan yang dipraktikkan tersebut menepati ciri-ciri rawatan Nabi (s.a.w). Sebahagian daripada kaedah rawatan yang dipraktikkan tersebut adalah yang bercanggah dengan syariat Islam, ada yang meragukan dan ada juga yang memerlukan penelitian dan perbincangan yang lebih terperinci untuk mengetahui status pengamalannya dalam rawatan sebarang jenis penyakit.

Anggota masyarakat seharusnya dapat mengambil iktibar daripada kajian ini dan membuat penyelidikan terhadap status dan perkhidmatan serta cara rawatan yang ditawarkan sesebuah pusat rawatan alternatif terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk mendapatkan rawatan bagi mengelakkan

sebarang masalah di masa hadapan. Sabda Nabi (s.a.w) yang diriwayatkan oleh cucunda baginda (s.a.w). Dari Abi al-Hawra' al-Sa'di r.a., dia berkata, aku pernah bertanya kepada Hasan bin 'Ali r.a.: "Apakah sesuatu yang kamu hafaz dari Rasulullah (s.a.w), lalu Hasan bin 'Ali menjawab, "Tinggalkanlah apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan kamu. Sesungguhnya (perkara) yang benar itu (disertai dengan) ketenangan, dan perkara yang dusta (dosa) itu adalah meragukan" (Hadith riwayat Imam Tirmidhi r.a.).

Selain itu, adalah akan menjadi lebih realiti dan sejahtera apabila pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil langkah positif untuk bekerjasama dengan pihak perubatan Islam yang terdapat di Malaysia khususnya dalam membentuk satu kaedah Islam yang benar bersumberkan kepada al-Quran, Hadith dan ilmu Sains supaya kaedah tersebut bertepatan dengan ajaran agama dan jauh dari kaedah-kaedah yang meragukan serta bercanggahan. Maka, hasilnya akan wujud satu kaedah yang selari dan di aplikasi oleh semua para perawat di Pusat Rawatan Islam.

Rujukan

- Abu Dawud, S. A. S. A. (2000). Sunan Abi Dawud. Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', Riyadh, Saudi Arabia.
- Ahmad Hanbal, A. A. S. (2001). Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal. Mu'assasah al-Risalah, Beirut, Lubnan.
- Basri Ibrahim (2009). Isu-isu Fiqh Halal dan Haram Semasa, Ilmu, Akidah, Syariah dan Akhlak. Al-Hidayah Publication, Selangor, Malaysia.
- Hizwan, A. A. (2012). Bomoh Di Alam Melayu: Sumber Ilmu Perbomohan. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Jahid Sidek (2004). Berpawang dan Bersahabat

dengan Jin dari Perspektif Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Jawiah, D., & Wan Awang, W. A. (2010). Sunnah Dan Bidaah Dalam Amalan Orang Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Jazari, A. S. M. M. (1979). Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar. Al-Maktab al-'Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.

Khadher, A. (2012). Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam *Al-Kutub Al-Sittah*: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.

Khadher, A., & Ishak, S. (2011a). Hadith-Hadith Mengenai Sihir dan Rawatannya dalam Al-Kutub Al-Sittah: Satu Analisis Kualitatif. *Al-Bayan: Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Khadher, A., & Rushdi, R. (2011b). Hukum Semasa Dalam Rawatan Islam: Isu Terhadap Pengamalan Kaedah “Scanning” Dalam Rawatan Penyakit Gangguan Makhluk Halus. Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa VII. Anjuran: Jabatan Fiqh dan Usul. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia. Pada 14-15 Disember 2011.

Khadher, A., & Mohd Farhan, M. A. (2013a). Khurafat Tahyul dan Teknik Mistik dalam Rawatan Alternatif. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013.

Khadher, A., & Mohd Farhan, M. A. (2013b). Pusat Rawatan Islam Di Malaysia: Antara Tanggungjawab Dan Keuntungan. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian

Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013.

Mohd Farhan, M. A. (2012). Khurafat Dan Tahyul Menurut Hadith: Kajian Terhadap Filem Seram Malaysia. Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.

Muslim, H. Q. N. (2000), Sahih Muslim. Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi, Riyad, Saudi Arabia.

Zaharuddin, A. R. (2011). Siri Soal Jawab, Mutiara Akidah dan Ibadah. Grup Buku Karangkraf, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Zulkifli, H. (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. Global Journal al-Thaqafah, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia, 3(1): 51-66. doi : 10.7187/GJAT332013.03.01

Wahid, A. S. (1996). Jin & Syaitan, Serta Penyakit Akibat Sihir: Panduan Mencegah Dan Merawatnya. Darul Nu'man, Kuala Lumpur, Malaysia.